



JAKARNA  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Made with  
**Visual Paradigm**  
For non-commercial use  
UiTMSarawak

MAY 2024  
**INFO 83<sup>rd</sup> ISSUE**

# KAMPUS

UiTM Sarawak Bulletin



The 2<sup>nd</sup> International Conference  
On Innovative Sciences &  
Technologies For Research &  
Education (InnoSTRE)

ReQaseni Art Exhibition  
17<sup>th</sup> Edition: ENIGMA

Lawatan rasmi:  
Profesor Datuk Teknologis  
(Ts) Dr. Hajah Roziah Mohd Janor

Building Bridges Through International  
Mobility: A Joint Program between  
UiTM & Mulewarman University  
Indonesia



## **Kunjungan Hormat Persatuan Veteran Radio Televisyen Malaysia (PVRTM) Ke UiTMCS**

Oleh  
Mohammad Bin Abang

Persatuan Veteran Radio Televisyen Malaysia (PVRTM) telah mengadakan kunjungan hormat ke UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan 2. Kehadiran rombongan PVRTM yang diketuai oleh Dato Norhayati Haji Mohd Ismail selaku penasihat yang juga mantan Ketua Pengarah Penyiaran Malaysia disambut oleh Penolong Rektor UiTM Sarawak Kampus Samarahan 2, Prof. Madya Dr. Hasmah Mohdin yang mewakili Prof. Dato Dr. Jamil Haji Hamali, Rektor UiTM Cawangan Sarawak. Hadir sama adalah Puan Hajah Zohara Gani Bathusha selaku Presiden PVRTM bersama-sama ahli jawatankuasa PVRTM lain termasuk Prof. Datuk Dr. Baharuddin Haji Aziz, Datuk Hajah Habsah Hassan, seorang penulis lirik prolifik dan penulis buku di samping para penyiarah dan pelajar UiTM Cawangan Sarawak. Tujuan kunjungan hormat berkenaan adalah untuk beramah mesra dan bertukar-tukar pendapat di antara

penyiarah serta pelajar UiTM Cawangan Sarawak mengenai cabaran industri kreatif, sektor penyiaran dan komunikasi negara pada masa kini dan masa hadapan di era 5G. Pada masa yang sama, PVRTM turut mengadakan dialog mengenai sebuah buku berjudul *Di Sebalik Nama Orang RTM* terbitan PVRTM iaitu buku yang ditulis oleh Datuk Habsah Hassan. Selain UiTM Cawangan Sarawak, PVRTM turut mengadakan kunjungan ke Universiti Malaysia Sarawak UNIMAS, Universiti Teknologi Swinburne, Filem Negara Malaysia (FINAS) Sarawak, Sarawak Media Group (SMG) selain turut mengunjungi RTM Sarawak.

